

- 4 (a) (i) Siapakah pengasas Kerajaan Uthmaniah? [2 *markah*]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniah. [4 *markah*]

Campur tangan negara asing terhadap kedaulatan sesebuah negara akan menyebabkan kejatuhan sesebuah kerajaan atau negara.

- (iii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 *markah*]

- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** pemerintah yang terkenal Kerajaan Uthmaniah. [2 *markah*]
- (ii) Terangkan **dua** faktor kegemilangan Kerajaan Uthmaniah dari aspek sosial. [4 *markah*]

Kerajaan Uthmaniah merupakan sebuah kerajaan Islam yang telah berjaya menyatukan umat Islam di peringkat global.

- (iii) Huraikan langkah yang perlu diambil oleh pemimpin pada hari ini untuk mencapai kejayaan tersebut. [4 *markah*]

4 (a) Keagungan dan kegemilangan Kerajaan Uthmaniyah menjadi kebanggaan umat Islam hingga ke hari ini.

(i) Nyatakan pusat pemerintahan pertama Kerajaan Uthmaniyah. [1 markah]

(ii) Nyatakan **dua** khalifah Kerajaan Uthmaniyah yang terkenal selain Sultan Muhammad al-Fateh. [2 markah]

(iii) Jelaskan **tiga** sumbangan Sultan Muhammad al-Fateh dalam membangunkan Kerajaan Uthmaniyah. [3 markah]

Pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah seperti Muhammad al-Fateh telah berjaya membuka mata dunia mengenai peranan pemuda dalam bidang pemerintahan.

(iv) Kemukakan persediaan anda untuk memberikan sumbangan kepada negara seperti tokoh di atas. [4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan sejarah ringkas penubuhan kerajaan Uthmaniyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek keilmuan. [4 markah]
- (iii) "Campur tangan kuasa asing boleh melemahkan umat Islam".
- Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

4 (a) Asal nama kerajaan Uthmaniyah bersempena nama Uthman bin Ertughrul, iaitu pengasas kerajaan Uthmaniyah.

- (i) Senaraikan **dua** pemerintah terkenal kerajaan Uthmaniyah selain Sultan Uthman bin Ertughrul. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek ketenteraan. [4 markah]

Kerajaan Uthmaniyah telah mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat yang menjadikannya sebuah kerajaan yang gemilang.

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan peranan anda sebagai seorang murid dalam usaha untuk mewujudkan suasana harmoni di sekolah. [4 markah]

4. (a) Kegemilangan kerajaan Uthmaniah adalah daripada ketokohan pemerintahnya yang hebat.
- (i) Senaraikan **dua** nama sultan terkenal zaman kerajaan Uthmaniah. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniah. < ^{teknologi} _{hukum} [4 markah]
 - (iii) Huraikan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniah. [4 markah]

- 4 (a) Kerajaan Uthmaniah ialah sebuah kerajaan Islam Turki yang diasaskan pada tahun 1299 masihi.
- (i) Nyatakan **dua** pemerintah terkenal kerajaan Uthmaniah. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniah daripada salah satu aspek berikut :
- a) Keilmuan
 - b) Ketenteraan
- (4 markah)

Antara faktor yang menyumbang kepada kejatuhan Kerajaan Uthmaniah ialah sultan-sultan yang memerintah dipilih dari kalangan mereka yang mempunyai keperibadian yang lemah, mementingkan kemewahan serta tunduk kepada hawa nafsu.

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan iktibar yang anda perolehi. (4 markah)

4. (a) Keunggulan dan kehebatan kerajaan Uthmaniyah menjadi kebanggaan dalam tamadun Islam.

(i) Nyatakan **dua** nama sultan yang terkenal pada zaman kerajaan Uthmaniyah.

[2 markah]

[*Lihat halaman sebelah*

1223/1 © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam

SULIT

- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek keilmuan.
[4 *markah*]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh di ambil daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyah.
[4 *markah*]

- 4 (a) Kerajaan Uthmaniah tertegak selama 625 tahun.
- (i) Senaraikan **dua** tempat yang menjadi pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniah. (2 *markah*)
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniah. (4 *markah*)
- (iii) Terangkan dua iktibar daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniah. (4 *markah*)